



# فلیتا برونی

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.49 | SUBUH 4.59 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.38

MANISNYA IMAN

"MAKAN dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf, ayat 31.

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 42

7 APRIL 2025 / 1446 شوال 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjurus Aying Asah-asahan ke makam ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam ketika berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2 hingga 6)

## Kehidupan sihat asas untuk masa depan lebih cerah

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Setiap tahun pada 7 April, seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Hari Kesihatan Sedunia atau World Health Day untuk memperkuuh kesedaran dan komitmen negara terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia yang dipilih ialah 'Healthy Beginnings, Hopeful Futures', yang menekankan kepentingan memulakan kehidupan yang sihat sebagai asas untuk masa depan yang lebih cerah.

Tema berkenaan akan memberikan tumpuan kepada kesihatan ibu dan anak damit dalam bulan pertama kehidupan dan seterusnya menyru kerajaan dan komuniti kesihatan untuk mempergiatkan lagi usaha mengakhiri kematian ibu dan anak damit

yang boleh dicegah (*end preventable maternal and newborn death*) serta memberi keutamaan kepada kesihatan dan kesejahteraan jangka panjang wanita.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2025.

Yang Berhormat seterusnya berkata, berdasarkan anggaran terkini yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), hampir 300,000 wanita diseluruh dunia kehilangan nyawa akibat kehamilan atau kelahiran setiap tahun, sementara lebih dua juta anak damit meninggal dunia dalam bulan pertama kehidupan, dan sekitar dua juta lagi telah dilahirkan meninggal atau *stillborn*.

Ini tambah Yang Berhormat, bersamaan dengan satu kematian yang boleh dicegah setiap tujuh saat dan apa yang lebih membimbangkan adalah, berdasarkan trend semasa, empat daripada lima negara di seluruh dunia dilaporkan belum dapat mencapai sasaran-sasaran yang berkaitan dengan peningkatan *maternal survival* menjelang 2030, sementara satu daripada tiga negara akan gagal mencapai sasaran pengurangan kadar kematian anak damit dalam bulan pertama kehidupan.

"Di NBD pula, kadar kematian ibu atau Maternal Mortality Ratio bagi tempoh 2018 hingga 2023 adalah di antara 0 hingga 32.4 bagi setiap 100, 000 kelahiran, iaitu bersamaan dengan di antara 0 hingga dua kes kematian setahun."

>> Muka 8

## Eratkan silaturahim melalui kunjungan Hari Raya

Oleh : Ihsan Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Sungai Hanching

SUNGAI HANCHING, Ahad, 6 April. - Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri terus disemarakkan dengan amalan kunjung-mengunjungi bagi mengeratkan

hubungan persaudaraan.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) dan jemaah Masjid Kampung Sungai Hanching juga berkesempatan mengadakan

kunjungan Hari Raya ke kediaman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @ pelitabrunei X pelitabrunei

## Berita Utama



KEMPEN Derma Darah bantu pesakit memerlukan

Muka 8



1,250 karton rokok pelbagai jenama berjaya dirampas

Muka 10



MEMPERKASA kemahiran pelajar dalam dunia digital

Muka 18



RENCANA

KEHARMONIAN, kegembiraan warnai perayaan bersama pemimpin negara

Muka 20

# Berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 5 April. - Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam berkenan berangkat

ke Majlis Bertahlil yang  
berlangsung di Kubah  
Makam Diraja, Jalan Tutong,  
hari ini.

>> Muka 3

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri  
Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin

## WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	8	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	SELASA	9	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	RABU	10	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	KHAMIS	11	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	JUMAAT	12	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	SABTU	13	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	AHAD	14	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 °C 25 °C '/'	33 °C 26 °C '/'	32 °C 26 °C '/'
Pekan Bangar		
32 °C 25 °C '/'	33 °C 25 °C '/'	33 °C 25 °C '/'
Pekan Tutong		
32 °C 25 °C '/'	32 °C 25 °C '/'	32 °C 25 °C '/'
Kuala Belait		
32 °C 24 °C '/'	33 °C 26 °C '/'	33 °C 25 °C '/'
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.mef.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین برحـد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

## SIDANG PENGARANG

7 APRIL 2025

### Bersama lindungi kesihatan isteri, anak damit awda

**H**ARI Kesihatan Sedunia disambut setiap tahun pada 7 April, memperingati Penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1948. Hari ini didekadaskan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan yang kritis di seluruh dunia serta mengerakkan usaha untuk menanganiinya. Tema Hari Kesihatan Sedunia 2025, 'Permulaan Sihat, Masa Depan Cerah' (Healthy Beginnings, Hopeful Futures) telah dipilih dengan memberi fokus terhadap penjagaan kesihatan ibu dan anak sebagai asas kepada kesejahteraan komuniti dan pembangunan mampan negara. Tema ini mencerminkan komitmen antarabangsa untuk menghentikan kematian ibu dan anak damit yang boleh dicegah semasa kehamilan dan kelahiran, di samping memperkuuh perhatian terhadap kesihatan jangka panjang serta kesejahteraan wanita di seluruh dunia.

Walaupun terdapat kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan teknologi perubatan, kelangsungan hidup ibu dan anak damit yang baru lahir masih menjadi cabaran global, dengan perbezaan ketara dalam akses, kualiti, dan kesaksamaan perkhidmatan kesihatan. Walaupun sistem kesihatan dan teknologi perubatan terus berkembang pesat, statistik kematian ibu dan anak damit kekal membimbangkan. Menurut Laporan WHO dan UNICEF 2024, setiap selang dua minit seorang wanita meninggal dunia akibat komplikasi kehamilan atau kelahiran, menjadikan jumlah kematian wanita hamil mencecah hampir 300,000 orang setiap tahun.

Bagi mereka yang pertama kali hamil, pasti akan mengalami alahan. Alahan semasa mengandung menjadi lebih ketara apabila si ibu mengalami stres, terlalu lelah, alahan pada makanan tertentu atau sangat sensitif pada pergerakan. Pemeriksaan antenatal yang awal dan berkala oleh petugas kesihatan bertauliah amat penting bagi mengenal pasti serta mengurus sebarang risiko dengan berkesan demi menyelamatkan nyawa ibu dan anak. Di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana memiliki sistem penjagaan kesihatan ibu dan anak yang kukuh serta komprehensif.

Selain itu, suami perlu lebih pemedulian dan prihatin terhadap isteri serta anak damit. Suami perlu sentiasa ada dekat isteri dan membantu isteri menjaga anak damit. Selain itu suami perlu peka dengan perubahan emosi dan fizikal yang dialami oleh isteri. Sokongan padu dari suami setentunya akan menyuntik semangat serta memberi motivasi kepada isteri untuk mengutamakan kesihatan diri agar cepat sembuh selepas melahirkan. Bantu isteri dengan bantuan sokongan emosi kerana isteri memang sangat memerlukan suami di sisi. Isteri perlu mendapatkan tidur yang mencukupi untuk pemulihan tubuh dan di sinilah peranan suami untuk sama-sama berjaga malam menjaga anak damit.

Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2025 bukan sekadar memperingati isu kesihatan global, tetapi menyeru setiap lapisan masyarakat untuk bertindak bersama melindungi kesihatan ibu dan anak bermula dari dalam kandungan sehingga selepas kelahiran. Justeru itu, semua pihak keluarga terutama suami berperanan untuk sama-sama menjaga agar isteri dan anak sentiasa sihat. – Ketua Penyuntingan (Ri).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan.

**>> Muka 2**

Majlis berkenaan adalah khusus buat ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

**>> Muka 4**



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam bonda baginda, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan makam paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas kiri dan atas). Manakala gambar kiri sekali, bacaan Tahil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga seterusnya membacakan Doa Tahil, diikuti dengan Doa Allah Peliharakan Sultan. Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas kanan, atas dan kanan).**

#### >> Muka 3

Bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga seterusnya membacakan Doa Tahlil, diikuti dengan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menjirus ayahanda, bonda dan anakanda baginda, diikuti oleh paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

#### >> Muka 5



>> Muka 4

Kebawah DYMM juga seterusnya menjirus Aying Asah-asahan ke atas makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

>> Muka 6

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas sekali kanan, atas kiri dan atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (atas dan kanan).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas sekali kanan, atas kiri dan atas).



#### >> Muka 5

Turut berangkat dan hadir ke majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan - timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan

Manteri-manteri Pendalamian, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, mantan Pemerintah - pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.



SEKITAR Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas kiri dan kiri).

# DPMM FC BERPESTA GOL, TUMPASKAN PKT FT



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**JERUDONG**, Ahad, 6 April. - DPMM FC menang mudah dan berpesta gol ke atas Penabai Kuala Tutong FT (PKT FT) dengan keputusan 12 - 0 pada siri perlawanan Brunei FA Cup 2025 yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park, petang tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa'

SEBAHAGIAN yang hadir pada perlawanan berkenaan (kanan). Sementara gambar kanan sekali, aksi pemain pada perlawanan tersebut.

Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

Pada separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun DPMM FC lebih bijak mengatur serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pertama dan kedua menerusi Abdul Azizi Ali Rahman seawal minit ke-4 dan Muhammad Al-Kholil@ Muhammad Hisamuddin Sapawi / Hamdan pada minit ke-9.

DPMM FC terus bijak mengukuhkan barisan serangan sehingga berjaya menghadiahkan tiga lagi gol melalui Sergio Mendiguchia pada minit ke-25, Muhammad Al-Kholil

@Muhammad Hisamuddin Sapawi / Hamdan pada minit ke-35 dan Sergio Mendiguchia menambah jaringan pada minit ke-45 sebelum wisel penamat bagi babak pertama dibunyikan.

Sementara dalam babak kedua perlawanan pula menyaksikan DPMM FC dengan selesa mengawal permainan dan berjaya mengandakan jaringan gol menerusi Kenshin Uneo pada minit ke-50. Manakala Muhammad Shahrazen Said seterusnya berjaya menjaringkan gol ke-7 pada minit ke-58 bagi DPMM FC.

PKT FT cuba mengasak gawang skuad DPMM FC untuk membuat jaringan namun percubaan tersebut kerap kali dipatahkan oleh penjaga gol DPMM FC, Abdul Azeez Elyas.

DPMM FC terus beraksi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan siri perlawanan Brunei FA Cup 2025. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (kiri). Manakala gambar atas, Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

cemerlang apabila Muhammad Shahrazen Said terus menghadiahkan gol DPMM FC yang ke-8 dan ke-10, masing-masing pada minit ke-78 dan minit ke-82. Kenshin Uneo, pemain kelahiran Jepun, turut menghadiahkan gol ke-9 DPMM FC pada minit ke-79.

Harapan PKT FT untuk menjaringkan sebarang gol terus berkecici apabila DPMM FC melalui Luis Matias Hernandez Miruena berjaya menyumbatkan gol ke-11 dan ke-12 pada minit ke-87 dan minit ke-88. Keputusan kekal 12 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan.



## Eratkan silaturahim melalui kunjungan Hari Raya

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Sungai Hanching

### >> Muka 1

Kunjungan berkenaan yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu itu bukan sahaja mengeratkan lagi silaturahim sekali gus mencerminkan semangat muafakat yang tinggi dalam kalangan jemaah masjid berkenaan.

Kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan amalan kunjung mengunjungi bagi ziarah-menziarahi sudah menjadi tradisi masyarakat di bulan Syawal yang mulia ini.

Tradisi berkenaan mencerminkan nilai-nilai budaya Islam yang menuntut mengeratkan perpaduan dan mengekalkan keharmonian masyarakat.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa dan jemaah Masjid Kampung Sungai Hanching.

# KEHIDUPAN SIHAT ASAS UNTUK MASA DEPAN LEBIH CERAH

## >> Muka 1

"Kadar Maternal Mortality Ratio yang terkini, iaitu bagi 2023 adalah 15.9 bagi setiap 100,000 kelahiran, iaitu bersamaan dengan satu kes kematian setahun dan ini adalah selari dengan sasaran Sustainable Development Goal (SDG) 3.1 bagi memastikan kadar kematian ibu berada di bawah 70 bagi setiap 100,000 kelahiran," jelas Yang Berhormat.

Dalam tempoh 50 hingga 60 tahun yang lalu ujar Yang Berhormat lagi, NBD telah mencapai pengurangan yang baik dalam jumlah kematian ibu dan anak damit yang baharu lahir. Walau bagaimana, statistik menunjukkan bahawa penurunan selanjutnya tidak semestinya mudah untuk dicapai terutama sekali dengan peningkatan penyakit-penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, diabetes, dan obesiti dalam kalangan wanita muda yang berada dalam usia melahirkan anak.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan setiap wanita hamil yang menghidap penyakit tersebut berisiko tinggi untuk melahirkan anak damit dengan kecacatan kelahiran, kelahiran *stillbirth*, atau kelahiran pramatang.

"Terdapat juga satu teori dengan bukti yang kukuh menyatakan bahawa pendedahan kepada keadaan kesihatan ini dalam rahim boleh membentuk kecenderungan tubuh anak damit untuk menghadapi masalah kesihatan yang sama apabila mereka dewasa kelak."

"Ini bermakna, walaupun anak damit tersebut dilahirkan cukup bulan dan kelihatan sihat secara luaran, mungkin telah pun wujud satu program dalam tubuhnya yang menjurus kepada risiko menghidap penyakit kardiovaskular, metabolismik atau imunologi pada masa depan, hanya disebabkan oleh persekitaran dalam rahim semasa anak damit itu berkembang sebagai janin."

"Keadaan ini juga akan menjadi lebih buruk jika selepas anak damit dilahirkan, keluarga terus mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat semasa anak damit tersebut membesar," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menjelaskan Kementerian Kesihatan di

negara ini ada menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan ibu yang teratur dan berkualiti yang diberikan melalui 13 pusat kesihatan dan tiga klinik kesihatan yang mudah diakses di seluruh negara, berdasarkan konsep liputan kesihatan sejagat atau *universal health coverage*.

Perkhidmatan kesihatan ibu ini terang Yang Berhormat, bertujuan untuk mengurangkan masalah kesihatan dan kadar kematian ibu (*mortality*) dengan menyediakan penjagaan kesihatan kepada ibu-ibu semasa mengandung dan selepas bersalin.

Selain dari klinik ibu semasa mengandung dan selepas bersalin kata Yang Berhormat lagi, perkhidmatan kejururawatan selepas bersalin di rumah atau *home nursing* bagi memeriksa ibu yang baharu melahirkan, pendidikan kesihatan dan klinik kesihatan wanita juga disediakan.

Perkhidmatan yang komprehensif tambah Yang Berhormat, termasuk pemberian ubat-ubatan, suplemen nutrisi penting, vaksinasi dan ujian-ujian semasa mengandung seperti pemeriksaan *ultrasound* adalah diberikan secara percuma untuk semua ibu mengandung yang menetap di negara ini, tanpa mengira kewarganegaraan mereka, iaitu sejajar dengan konsep penjagaan kesihatan yang sejagat.

"Ini adalah bagi membantu memastikan ibu-ibu yang mengandung mendapat penjagaan yang optimum dan berada dalam kesihatan fizikal dan mental yang terbaik sepanjang kehamilan mereka."

"Perkhidmatan kesihatan ibu di negara ini juga sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia adalah berdasarkan bukti saintifik terkini atau *evidence-based*.

"Pada November 2024, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan vaksin Pertussis semasa ibu mengandung seperti yang disyorkan oleh WHO dan sebagai strategi tambahan untuk mencegah penyakit batuk kokol pada anak damit yang terlalu muda untuk divaksinasi," jelas Yang Berhormat lagi.

Di samping itu kata Yang Berhormat, Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak bagi umur 0 hingga lima tahun juga diberikan

## ■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

melalui 13 pusat kesihatan dan tiga klinik kesihatan yang sama seperti Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Ibu.

Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak terang Yang Berhormat, merangkumi pelbagai aspek penjagaan, termasuk lawatan kejururawatan di rumah bagi anak damit baharu lahir, penilaian perkembangan dan fizikal rutin bagi kanak-kanak berumur 0 hingga 5 tahun serta pemberian vaksin kanak-kanak dan pemantauan imunisasi kanak-kanak mengikut jadual Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan NBD.

Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan NBD ujar Yang Berhormat, adalah sangat komprehensif dan telah berjaya melindungi kanak-kanak daripada penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin.

Kadar liputan imunisasi untuk semua vaksin kanak-kanak di negara ini tambah Yang Berhormat lagi, kekal tinggi melebihi 95 peratus sepanjang dekad yang lepas, iaitu selaras dengan sasaran global yang ditetapkan untuk mencapai 90 peratus atau lebih.

Yang Berhormat juga menjelaskan Progam Perluasan Imunisasi Kebangsaan di negara ini juga sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia adalah berdasarkan bukti saintifik terkini atau *evidence-based*.

Pada 1 Februari 2025 kata Yang Berhormat, Vaksin Konjugat Pneumokokal (PCV) telah diperkenalkan ke dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan dan ini membuktikan komitmen kerajaan untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini, serta menyokong visi negara untuk masa depan yang lebih sihat.

"*Healthy beginnings, hopeful futures* ini adalah inti pati daripada usaha berterusan kita untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di NBD menikmati kehidupan yang sihat dan produktif. Dengan kerjasama semua pihak, kerajaan, sektor swasta, masyarakat, hingga profesional kesihatan, insyaAllah kita akan dapat mencapai matlamat ini bersama."

"Setiap individu juga haruslah bertanggungjawab untuk kesihatan diri

sendiri dan ahli keluarga masing-masing untuk jangka masa panjang. Ini termasuk menjaga kesihatan gadis dan wanita muda kita yang akan menjadi ibu dan seterusnya menjaga kesihatan anak-anak secara proaktif."

"Pemikiran tanggungjawab sosial yang penting ini diharapkan akan melahirkan anak-anak yang bukan sahaja menjadi individu yang lebih sihat, tetapi lebih produktif untuk masyarakat kita dengan masa depan yang penuh harapan."

"Marilah kita teruskan usaha ini dengan semangat dan komitmen, kerana kesihatan adalah asas kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, bersama-sama kita akan dapat membina masa depan yang lebih sihat dan lebih cerah untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



PADA tahun ini, tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia yang dipilih ialah 'Healthy Beginnings, Hopeful Futures', yang menekankan kepentingan memulakan kehidupan yang sihat sebagai asas untuk masa depan yang lebih cerah.

## Kempen Derma Darah bantu pesakit memerlukan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 April. - Bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) pada masa ini adalah masih di tahap yang rendah.

Jumlah penderma adalah berkurangan sejak seminggu sebelum perayaan, manakala permintaan Unit Tabung Darah, Perkhidmatan Makmal, Hospital RIPAS begitu tinggi terutama sekali dalam kalangan pesakit-pesakit

yang menjalani rawatan dan memerlukan permindahan darah seperti pesakit Talasemia.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Pegawai Saintifik di Pusat Pendermaan Darah, Dayang Nur Afiqah binti Abdullah semasa Kempen Derma Darah Sambil Beraya yang dijalankan di pusat berkenaan hari ini.

Menurut Dayang Nur Afiqah, Pusat Pendermaan Darah kini bergiat aktif dengan mengadakan Kempen-kempen Pendermaan Darah yang dijadualkan setiap hari bertujuan bagi menampung permintaan bagi pesakit-pesakit yang memerlukan.

Tambahnya, acara menderma darah sambil beraya yang diadakan pada 3 dan 5 April 2025 adalah salah satu inisiatif dan usaha sama dari Pusat Pendermaan Darah dan Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei



Darussalam.

Jelasnya lagi, sejumlah 117 pain darah berjaya diperoleh pada kempen dua hari berlangsung termasuk 63 pain darah daripada para penderma yang berjaya menderma setelah pemeriksaan kesihatan mereka masing-masing.

Dengan adanya acara seumpama berkenaan

tambahnya, untuk sama-sama menarik orang ramai untuk menderma darah bagi meningkatkan lagi jumlah bekalan darah di samping memberi peluang kepada penderma dan kakitangan untuk beramah mesra dan jalinan ukhuwah sekali gus dalam suasana menyambut Hari Raya Aidilfitri pada kali ini.



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah (atas kanan dan kiri).

# TEMPAHAN KEK, BISKUT RAYA MASIH DITERIMA

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Sabtu, 5 April. - Hari Raya Aidilfitri pasti lebih meriah dengan adanya pelbagai kuih raya seperti kek atau biskut sebagai penyeri juadah Hari Raya. Adalah tidak lengkap rasanya bagi setiap majlis berkenaan jika tidak dihidangkan dengan sepotong kek atau biskut-biskut yang lazat dan menarik sebagai hidangan yang mampu membuka selera sebaik sahaja para pengunjung melihatnya.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang



pengusaha pembuat kek tempatan, iaitu Pengasas Siti Mariam Bakery and Cake House, Dayang Siti Mariam binti Haji Tengah dari Kampung Lambak Kiri, yang lebih dua dekad mengusaha pembuatan kek di negara ini.

Menurut Dayang Siti Mariam, beliau masih lagi menerima tempahan memandangkan masih ada simpanan kek-kek lapis seperti Kek Lapis Batik, Kek Batik, Kek Lapis Sisik Ikan, Kek Lapis Lanina, Kek Lapis Karmila, Kek

ANTARA kek yang dibuat oleh pengusaha pembuat kek tempatan iaitu Pengasas Siti Mariam Bakery and Cake House (bawah kiri) manakala gambar kanan, pelbagai pilihan kek raya untuk hidangan tetamu.

Lapis Durian Kuning, Kek Lapis Musang King dan Kek Lapis Traffic Light.

Selain itu tambahnya, simpanan bagi kek gulung (roll) juga masih ada seperti Kek Roll Pelangi, Kek Roll Chocolate Rice, Kek Roll Jagus, Kek Roll Pepper Mint dan sebagainya.

"Memang saya membuat kek-kek berkenaan untuk dibuat simpanan bagi para pelanggan yang ingin membeli untuk hidangan Hari Raya mereka.

"Kek-kek berkenaan memang tahan lama kerana disimpan di dalam peti sejuk. Walaupun di Hari Raya yang kelima ini, saya masih lagi menerima tempahan pembelian kek berkenaan.

"Alhamdulillah, saya menerima sambutan yang sangat baik daripada para pelanggan seperti tahun-tahun sebelumnya," ujarnya lagi.



جایتن فرانخن ایکونومی دان سنتائستنک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinkukan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"



### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

mungkar.

Mudah - mudahan dalam kita beristiqamah dengan melaksanakan ketaatan dengan penuh mujahadah dalam melawan kehendak hawa nafsu akan dapat membentuk diri kita menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Khutbah turut mengingatkan

umat Islam bahawa orang yang istiqamah akan dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala berada dalam kalangan malaikat pembawa rahmat, hati dan kehidupan sentiasa berada dalam ketenangan serta kebahagiaan; bahkan syurga dijamin baginya dan rezeki dimurahkan serta diluaskan.

## Terus istiqamah lakukan amal ibadah

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 April. - Islam menganjurkan kita sebagai umatnya supaya istiqamah dalam melaksanakan segala amalan walaupun sedikit.

Amalan yang berterusan adalah lebih afdal daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya dilaksanakan cuma sekali-sekala.

Perkara tersebut antara yang digariskan dalam Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 5 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 4 April 2025, bertajuk 'Istiqamah



AMALAN yang berterusan lebih afdal daripada melakukan amalan yang banyak tetapi dilaksanakan cuma sekali-sekala.

Wata'ala.

Memandangkan istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan maka beristiqamahlah pada setiap amal ibadah dan amalan yang berkebajikan dan tinggalkanlah perkara-perkara keji dan



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025
2. 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025
3. 'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.' Tarikh Tutup : 23 April 2025

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# JIMATKAN PENGGUNAAN ELEKTRIK DI HARI RAYA




Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 5 April. - Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang masih lagi hangat diraikan oleh seluruh Muslimin dan Muslimat ketika ini, beberapa perkara penting perlu dititikberatkan seperti

penggunaan tenaga elektrik yang biasanya akan digunakan agak lebih daripada hari-hari biasa.

Ini adalah kerana pemasangan lampu cecul, pendingin hawa, kipas angin dan barang elektronik yang lain bagi membuat persiapan



rumah terbuka dan menyambut kedatangan para tetamu.

Sehubungan itu, beberapa panduan terabit bersifat bijak tenaga, praktikal serta boleh dijadikan amalan rutin boleh diperlakukan dan dikongsikan sekali gus mengamalkan sikap berjimat cermat seperti pastikan suis peralatan elektrik yang tidak digunakan ditutup manakala palamnya ditanggalkan bagi mengelak arus elektrik terus mengalir.

Berjimat cermat banyak faedah dan manfaat kepada individu, masyarakat dan negara kerana amalan ini dapat menyemai amalan berdikari dalam diri seseorang.

Dengan semangat ini setiap orang akan berusaha menangani sendiri setiap perkara tanpa terlalu bergantung kepada orang lain. Seterusnya akan menjimatkan kewangan kerana tidak perlu mengupah orang lain selain dapat menambah pengalaman hidup.

Jika semua pihak mengamalkan

PASTIKAN peralatan elektrik yang perlu dipasang berada dalam keadaan baik (kiri sekali dan kiri).

berjimat cermat dalam menggunakan keperluan asas seperti air, elektrik dan tenaga asas lain sebagai contoh, maka negara mendapat faedah besar dan hasil penjimatan ini akan dapat digunakan untuk membantu golongan memerlukan.

Oleh itu, adalah disyorkan sekiranya perlu menyalakan lampu rumah bagi mengelak kecurian, pertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (timer) supaya lampu tidak dipasang 24 jam sehari selain memastikan semua soket dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (adapter) berlebihan.

Pastikan peralatan elektrik yang perlu dipasang berada dalam keadaan baik manakala motor dalam peralatan elektrik bergerak lancar dan buka gulungan wayar sambungan tambahan sepenuhnya untuk mengelak daripada menjadi terlalu panas jika digunakan.

Amalan berjimat cermat juga digalakkan di dalam Islam agar kita semua terhindar daripada sikap membazir.

## 1,250 karton rokok pelbagai jenama berjaya dirampas

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 5 April. - Polis Marin (POLMAR), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah menggagalkan satu percubaan untuk membawa masuk barang yang tidak diisyitiharkan melalui perairan negara ini.

Dalam kejadian berkenaan, sebuah perahu yang mencurigakan telah dikesan oleh peronda POLMAR bergerak menyusuri persisiran Tanjung Kindana yang sarat dengan muatan pukat menuju ke kawasan perairan Kampung Sungai Bunga.

Peronda POLMAR

kemudiannya mengambil tindakan untuk memintas bagi tujuan pemeriksaan.

Menyedari akan kehadiran agensi penguat kuasa, dua suspek kemudiannya memberhentikan perahu lalu bertindak terjun ke dalam air dan mlarikan diri ke kawasan hutan bakau berhampiran.

Usaha untuk mengesan suspek-suspek berkenaan telah digerakkan dan turut dibantu oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pemeriksaan dan siasatan awal ke atas perahu didapati beberapa kotak hitam yang ditutupi dengan

pukat ikan. Hasil siasatan lanjut mengesahkan bahawa perahu berkenaan membawa barang tegahan, iaitu 1,250 karton rokok pelbagai jenama.

Kes berkenaan disiasat di bawah seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006. Kesemua barang rampasan termasuk perahu telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Pasukan keselamatan akan terus mempergiatkan lagi rondaan dan pemantauan bagi memastikan perairan negara ini bebas daripada sebarang kegiatan jenayah.

PPDB juga menyeru kepada

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



POLIS Marin, Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei berjaya menggagalkan satu percubaan untuk membawa masuk barang yang tidak diisyitiharkan melalui perairan negara ini.

orang ramai agar melaporkan sebarang kegiatan yang mencurigakan atau menyalahi undang-undang, khususnya di

kawasan perairan, demi memastikan keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.



سوروهنجاۓ ڦرخمنٽ عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?**

BARU

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)



**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakang / pengesahan profil pegawai lakitan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tanda gali / tanda gali / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL**

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



# سـرـدـلـهـ سـوـجـي

## إـسـتـقـامـهـ مـلاـكـوـ كـنـ عـمـلـ عـبـادـهـ

تفسير:

مك هندقله أغاکار (واهای نی محمد) سنتیاس براستقامه (تھ تکره داؤس جالن يغ بنز) سباکیمان يغ دفرینهکن کھد مو دان اورغ-اورغ يغ برتوبة برسام مو، دان جاغله کامو ملقاوی باس. سسوغکوھن دی مها مليھت اف يغ کامو کرجاکن.

جماعه يغ درجمي الله،

مندھکن إستقامه ايت مغپیایی باقی کیاکن، مك براستقامه له ڈھ سنتیاف عمل عياده دان عملن يغ برکاجیقن، دان تیھکلکنله فرکرا-فر کارا يغ کھی دان موغکر.

موده-مودهن دالم کیت براستقامه دغن ملقساناکن کطاععن دغن فنوه محاجهنه دالم ملاون کھندق هاوا ننسو اکن دافت مبتوق دیری کیت منجادی اورغ يغ برایمان دان برقوی کھد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. یغشله، اورغ يغ استقامه اکن دجنجیکن اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برادا دکالشن ملائکه مباوا رحمة، هاتی سرت کھیدوون برادا دالم کتباعن سرت کېکیان، بهکن شرک دجامن باکین دان رزقی دمورهکن سرت دلواسکن. سوک کیت سنتیاس برادا دالم کطاععن، کامغون دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

دان برسکراله کامو (مغراجاکن عمل کباجیقن اوونوق مباوا کامو) کھد کامغون درقد توهن کامو دان کشرک يغ لواسن سلواس لاغیت دان بومي يغ دسیداکن باکی اورغ-اورغ يغ برقوی. {سورة آل عمران آية: ۱۳۳}

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَفَعَلَنَا بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ الْأَوَّلَةِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوكُمْ فَيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.

کباجیقن، برأخلاق مليا دالم منطاعتي فربته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان منجاوهي

سکل لارغۇن دجنجیکن اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن فلباکای کنجارن. مریک ایت مراییه کجمرلەن دن داخیره. این سباکیمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة فُصلَّتْ آیة: ۳۰:

جماعه يغ درجمي الله،  
برقوی له کیت کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منیعکھکن کیامان کھدش سسغکوھن اورغ يغ فالیع مليا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ يغ فالیع برقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان يغ سنتیاس مغایعني الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براؤله کچیان دان کسلامن دن داخیره.

جماعه يغ درجمي الله،

سسغکوھن بولن رمضان تله باقی مبتوق دان مندیدیق کیت، سرت نمیریکن قلواع اوونوق کیت مریوت قهلا برلیشت کندا سکالیکوس منیعکھکن کیامان دان کتقوأن.

چک دبولن رمضان کیت براؤسها منیعکھکن عمل عياده دغن مغراجاکن عملن-عملن سنة سفرتی قیام الیل، برتردرس اتاو مbag القرآن، برصدقه دان سباکاین، مك اداله ایلوغ عمل عياده ترسیبوت دلاکوکن دغن إستقامه یايت ملقساناکن سخارا برترروسن ڈھ بولن شوال دان بولن-بولن ستروسن.

کیت هندقله میباشا کقواتن دان کعزم اوونوق ترسیبوت ملقساناکن سکل عملن سباکیمان يغ تله کیت لاکوکن دسقنجع بولن رمضان ترسیبوت. إسلام امت مغایجورکن سوقای کیت إستقامه دالم ملقساناکن سکل عملن والاوقون سدیکیت. عملن يغ برترروسن این اداله لیبه افضل اتاو لیبه بایک درقد ملاکوکن عملن يغ باقی تناپی هان سکالی سکلا. درقد عائشہ ریحانۃ تھا تله برکات ای، تله برسیدا رسول الله ﷺ: أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَدْوِهِهَا وَإِنْ قَلَ.

مقصودن: سباپک-باپک عملن کھد الله اداله فربواتن يغ دکرجالکن سخارا برترروسن والاوقون سدیکیت. {حدیث روایة إمام مسلم}

جماعه يغ درجمي الله،  
سسغکوھن کونچی کجايان دالم کھیدوون اوونوق منجو کریضان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة هود آیة: ۱۱۲:  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة هود آیة: ۱۱۲:

# دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA  
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ  
أَحْتَسَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT  
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ إِلَّا إِذْنَنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُجِيبُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظَهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَسْخَلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِخُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى أَلْهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بِعَدِّ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I**  
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)  
atau

**Ketua Kampung Tingkat II**  
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)  
atau

**Ketua Kampung Tingkat III**  
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)  
bagi

**Daerah Temburong**

1. Kampung Senukoh, Mukim Labu
2. Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan suakicitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung-kampung yang tersenaraikan di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Mukim  
dan Kampung  
Jabatan Daerah Temburong  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu,  
**26 Zulkaedah 1446 bersamaan  
24 Mei 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 5221266 / 265 sambungan 116/118/119 atau 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong**

1. Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu  
- Kampung Senukoh
2. Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok  
- Kampung Lepong Baru  
- Kampung Lepong Lama  
- Kampung Semabat  
- Kampung Temada  
- Kampung Kenua



berikut:-

**Unit Pentadbiran,  
Bahagian Institusi Penghulu  
Mukim dan Ketua Kampung  
Jabatan Daerah Temburong  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu,  
**26 Zulkaedah 1446 bersamaan  
24 Mei 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 5221266 / 265 sambungan 116/118/119 atau 5221110.

**Mukim-Mukim Tadahan Jawatan Kosong Bagi Penghulu Mukim Zon 2, Daerah Temburong:** -

- Mukim Bokok
- Mukim Amo

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal  
Mahkamah-Mahkamah  
Syariah 2005**

**Saman Gantian  
Dalam Mahkamah Tinggi  
Syariah  
Di Daerah Brunei dan Muara,  
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :  
BM / MTS / MAL-A / P012B /  
0975 / 10-2024**

**Kes Induk:  
BM / MTS / MAL-D / P001B /  
0974 / 10-2024**

**Antara**

**Pengiran Hajah Noorhayati  
binti Pengiran Talib  
– Pemohon I  
Asep Dudin – Pemohon II**

**Dan**

**Melyanah binti Mohammad  
Ridwan – Responden I  
Haji Hazmei bin Haji Hussin  
– Responden II  
– Defendan / Responden**

**Tuntutan : Permohonan  
Pengangkatan Kanak-Kanak**

Kepada: Melyanah binti Mohammad Ridwan (Responden I) yang dinamakan di atas, 01-039556 (Kuning) dan Haji Hazmei bin Haji Hussin, Responden II yang dinamakan di atas 00-124756), beralamat

(Alamat Terakhir): No. 32, Simpang 5, Jalan Kalijau, RPN Kampung Panaga, Seria, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Brunei dan Muara** pada **Selasa, 15 April 2025M pada jam 9.30 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh pemohon yang dinamakan di atas, bagi **Permohonan Pengangkatan Kanak-Kanak bernama Alia Dina binti Haji Hazmei** yang mana butir-butir dalam tuntutan itu seperti dinyatakan dalam Penyataan Tuntutan yang diendorskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Pemohon suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh:  
4 Ramadan 1446H /  
5 Mac 2025M**

**Meterai  
Mahkamah Tinggi Syariah  
Daerah Brunei dan Muara  
Negara Brunei Darussalam**



**Bilangan Tawaran:  
JKP / SH / 2024-2025 / 45**

**Tajuk Tawaran:**  
Membekal, Menghantar dan Memasang Mobile Compactor Filing System Di Jabatan Kemajuan Pelancongan

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 10 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Rujukan Tawaran:  
JPA / 1.4 / UPK / KPA / 001 /  
2025**

**Tajuk Tawaran:**  
Term Contract For Grass Cutting And External Cleaning At Civil Service Club (2025)

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
22 April 2025.



**Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2024 (R)**

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kerja-Kerja Pemasangan Alat Pendingin Hawa Di Dewan Serbaguna Blok E, Jabatan Perikanan

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
24 April 2025.



**Bilangan Tawaran:  
EGNC / PM / 4.1 / 1.2025  
Data Analytics-As-A-Service  
(DAAAS), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)**

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 6 Mei 2025.





**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 57

**Tajuk Tawaran:**  
Basic First Aid Course  
For Tourism  
Service Providers

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
24 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran:**  
JBS / ADM / TDR / 02 / 2025

**Keterangan:**  
Supply, Delivery, Install,  
Maintenance, Warranty And  
Training For Gym Equipment For  
SMRC

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
29 April 2025



**1. Bilangan Tawaran:**  
(09) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
Rental (Supply, Install and  
Operate) Portable Outdoor Video  
Wall Led Screen (Digital Electronic  
Score Board Panel) Complete with  
Control System to Hassanal  
Bolkiah National Stadium, HBNSC

**2. Bilangan Tawaran:**  
(11) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
To Investigate and Rectification  
Blockage Discharge Waste Water  
at Toilet and Surau Concourse  
Area, Hassanal Bolkiah  
National Stadium

**3. Bilangan Tawaran:**  
(12) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
General Building Term  
Maintenance for A Period of  
Twenty-Four (24) Months for  
Stadium Negara Hassanal Bolkiah

**4. Bilangan Tawaran:**  
(13) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
General Building Term  
Maintenance for a Period of  
Twenty-Four (24) Months For 1)  
Mumong Sports Complex And  
Swimming Pool, 2) Arena Field  
Seria, 3) Youth And Sports Office  
Kuala Belait, 4) Youth Centre And  
Multi-Purpose Hall (Dewan  
Serbaguna Bekas Gudang Beras),  
5) Bangunan Persatuan-  
Persatuan Belia Belait,  
6) Barek Lorong 3 Seria

**5. Bilangan Tawaran:**  
(14) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
To Supply and Install New Mirror  
at Martial Art Training Areas,  
Hassanal Bolkiah  
National Stadium

**6. Bilangan Tawaran:**  
(15) JBS / ADM / QC / 2025

**Keterangan:**  
Repair Works for Control Panel of  
Sewerage and Submersible Pump  
at National Swimming Pool,  
HBNSC

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Khamis  
24 April 2025.



**Bilangan Tawaran:**  
(04) INFO / PK / K / 7  
(2025-2026)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Mencetak Photobook Sambutan  
Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-40,  
Tahun 2024



**Tajuk Tawaran**  
Term Contract For Twelve (12)  
Months Maintenance Of Internal  
Piping & Associated Works At  
Jabatan Penerangan Awam –  
FSOR  
AME / 2024-2025 / SH-53 / R  
(Kelas I & II ke atas)

**Tajuk Tawaran**  
Term Contract For Air  
Conditioning Maintenance To  
"DCA Building" For A Period Of  
Six (6) Months  
AME / 2024-2025 / SH-82 / R  
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
26 Mac 2025.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**



**Yuran:**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
17 April 2025.  
Jam 8.00 Pagi.



**Selasa,**  
8 April 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
9 April 2025.

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Seksyen Kewangan,  
Ibu Pejabat  
Jabatan Penerangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan  
BB2513  
Negara Brunei Darussalam



**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 001

Pembekalan Serta  
Pemasangan LED  
Screen Berserta  
Kelengkapan-Kelengkapan Bagi  
Dewan Pahlawan,  
Berakas Garison

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah **satu (1)**  
**minggu** sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu **Selasa,**  
**15 April 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
22 April 2025.  
2.00 Petang.



**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 003

Pembelian Personal Protective  
Equipment (PPE) Bagi  
Unit Khidmat Bomba  
dan Keselamatan,  
Khidmat Bantuan Kombat,  
Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah **satu (1)**  
**minggu** sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu **Selasa,**  
**15 April 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
22 April 2025.  
2.00 Petang.



**Tawaran:**  
JPH / MYCE2025 / SH2541 /  
2024 - 2025

Penyediaan Tapak Bagi Scientific  
Expedition On Forest To Reef Mid  
Year Conference And Exhibition  
(MYCE) 2025 Di Taman Rekreasi  
Hutan Pulau Selirong

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 17 April 2025.

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024-2025 / 55

**Tajuk Tawaran:**  
Perkhidmatan Pengawal  
Keselamatan (Security Guard  
Services) Di Galeri Kebudayaan  
Dan Pelancongan Kampong Ayer  
Bagi Tempoh Dua Tahun

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024-2025 / 56

**Tajuk Tawaran:**  
Daily Cleaning Services For  
Kampong Ayer Cultural And  
Tourism Gallery

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
10 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



# جوالن سالینان کمپر ۲ دیگنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPANAH GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto ([www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn))

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**  
**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis  
8.00 Paggi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# IMBASAN MINGGUAN



SEPASANG keluarga begitu sibuk membuat pelbagai pilihan untuk persiapan menyambut kedatangan Syawal yang mulia. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

SUASANA umat Islam saat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



SUASANA Hari Raya Aidilfitri begitu terasa saat sama-sama meraikan bersama seisi keluarga tersayang. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PARA pengunjung berasa riang gembira dapat menikmati suasana meriah dan menerima cenderahati saat berkunjung pada Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



RUMAH terbuka merapatkan silaturahim antara keluarga dan sanak saudara serta sahabat handai. - Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad.

## MEMPERKASA KEMAHIRAN PELAJAR DALAM DUNIA DIGITAL



**SEBAGAI** respons, Belia Pintar Siber, sebuah program celik digital, disusun sebagai usaha mendidik pelajar sekolah rendah hingga menengah di seluruh negara tentang cara melindungi diri mereka daripada buli siber dan penipuan, memperkasakan mereka untuk menjadi berdaya tahan digital (atas dan atas kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Network Sdn. Bhd.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 April. - Ancaman penjenayah siber yang semakin meningkat dan berkembang telah menjadi kebimbangan.

Sehubungan itu, Unified National Network Sdn. Bhd. (UNN) komited untuk terus mengukuhkan rangka kerja untuk melindungi negara dan datanya daripada ancaman siber.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Chris Phan, mereka membina infrastruktur yang menghubungkan orang ramai.

"Kunci dan kepentingan

persamaan ialah kepercayaan kepada kesalinghubungan dan infrastruktur yang boleh dipercayai yang kami sediakan, membolehkan PMKS dan teknologi lain syarikat untuk menjadi lebih inovatif," ujarnya.

Untuk terus menyokong komitmen ini dalam menyediakan ekosistem yang dipercayai, UNN telah bekerjasama dengan Projek Big BWN (Big BWN), Imagine dan Progresif dalam menangani jurang ketara ditemui dalam kesedaran celik digital dalam kalangan belia (umur 7-17 tahun) di Brunei Darussalam.



Sebagai respons, Belia Pintar Siber, sebuah program celik digital, telah disusun sebagai usaha mendidik pelajar sekolah rendah hingga menengah di seluruh negara tentang cara melindungi diri mereka daripada buli siber dan penipuan, memperkasakan mereka untuk menjadi berdaya tahan digital.

Program tersebut dijalankan sebagai usaha mempromosikan STEAM (Sains, Teknologi, Reka Bentuk dan Teknologi, Pendidikan Seni, Kejuruteraan dan Matematik) di bawah Pusat Perkongsian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan.

Para pelajar diajar tentang keselamatan dalam talian, maklumat salah, kesedaran buli siber, mengenal pasti penipuan, dan tingkah laku digital beretika.

Topik-topik kritikal ini sejajar dengan objektif program Belia Pintar Siber untuk melengkapkan

belia di sekolah-sekolah seluruh negara dengan kemahiran digital, memperkasakan mereka untuk berkembang maju dalam dunia digital yang sentiasa berkembang.

Oleh itu, program ini juga menyokong usaha berterusan UNN untuk merapatkan jurang digital dan memacu Brunei menjadi Negara Pintar.

Sejak dilancarkan pada Oktober 2024, Belia Pintar Siber telah berjaya dilaksanakan di tujuh sekolah di seluruh negara; Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Lambak Kiri, Sekolah Rendah Semabat, Sekolah Rendah Selapon dan Sekolah Rendah Lamunin.

Hasilnya, inisiatif tersebut telah menjangkau lebih daripada 500 pelajar kedua-duanya dari bandar dan sekolah luar bandar.

Sementara itu, tiga buah

sekolah lagi iaitu Sekolah Rendah Bukit Udal, Sekolah Rendah Rataie dan Sekolah Menengah PJPN juga akan diadakan program celik digital selepas Hari Raya nanti.

Walau bagaimanapun, program tidak berhenti di sini, jelas Ketua Projek dan Pengasas The Big BWN, Dayang Noor Hafizah binti Rashid yang juga menekankan penglibatan, semangat dan kesedaran yang dicetuskan melalui fasa perintis ini menyerlahkan keperluan mendesak untuk meneruskan dan mengembangkan program selepas Mei 2025.

"Dengan memperluaskan inisiatif ini, kami boleh menjangkau lebih banyak sekolah, memperhalusi kurikulum untuk menangani cabaran digital yang muncul, dan meningkatkan lagi keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis, menavigasi ruang dalam talian dengan selamat, dan menyumbang secara positif kepada dunia digital," tambahnya.

Ketahanan Digital UNN 101 siaran di Instagram adalah sebahagian daripada usaha berterusan UNN untuk mempromosikan kesedaran berterusan tentang daya tahan dan celik digital.

UNN akan melanjutkan usahanya untuk menaikkan kesedaran dengan Persatuan Keselamatan Siber Brunei kepada UNISSA dan terus bekerjasama bersama-sama dengan BruCERT dan Cyber Security Brunei (CSB) untuk berkongsi petua keselamatan dalam talian untuk perniagaan melalui Instagram.

## Operasi Waspada kesan beberapa kesalahan dilakukan majikan

**TUTONG,** Sabtu, 5 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 63/2025 di beberapa bangunan komersial di Daerah Tutong pada 26 Mac 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas enam premis kedai jahit dan sebuah kedai membaiki barang-barang elektrik telah mendapati sebanyak 10 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan, iaitu dua kesalahan di bawah Bab 39, majikan gagal membayar gaji penuh dan gagal membayar bayaran kerja lebih masa; Bab 63,

majikan gagal memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 70, majikan gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; Bab 82, majikan tidak menyediakan alat pertolongan cemas; Bab 86, melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, tempat kegiatan bukan di tempat yang telah diisytiharkan dan dibenarkan oleh Jabatan Buruh; dan Bab 116, majikan gagal menyediakan pengangkutan atau tiket pulang ke negara asalnya.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta

Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah membayar gaji pekerja-pekerja secara penuh dan membayar bayaran kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, menyediakan alat pertolongan cemas di premis-premis dan menyediakan tiket pulang ke negara asal pekerja.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



**BAHAGIAN** Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Waspada 63/2025 di beberapa bangunan komersial di Daerah Tutong pada 26 Mac 2025 (kiri dan atas kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



## Latihan Tembak PPDB pada 7 April

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei akan mengadakan Latihan Tembak pada Isnin, 7 April 2025 bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihat supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut yang mana latihan tembak akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

# JAGA ADAB, TINGKAH LAKU SEMASA ZIARAH HARI RAYA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
 Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 April. - Hari Raya Aidilfitri merupakan saat terbaik untuk memperkuatkan ikatan silaturahim kerana sudah menjadi kebiasaan dan amalan masyarakat di negara ini untuk saling kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai serta jiran tetangga semasa Hari Raya.

Selain itu, Islam juga sangat menggalakkan umatnya untuk ziarah - menziarahi untuk mengeratkan lagi ukhuwah.

Namun dalam kegembiraan dan keterujaan berhari raya, ramai dalam kalangan kita terlepas pandang dan masih kurang berhati-hati dalam menjaga etika dan tingkah laku sebagai seorang Islam dalam amalan menziarahi.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nur, ayat 27-28, yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika diberikan kepada kamu : "Baliklah," maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik

bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Berdasarkan ayat tersebut, kita hendaklah sentiasa menjaga adab ziarah yang ditetapkan dalam Islam iaitu bermula daripada sebelum berziarah, semasa berziarah, selepas berziarah dan perkara-perkara yang perlu dihindarkan ketika berziarah.

Apabila kita hendak berkunjung ke rumah orang, pilihlah waktu-waktu yang sesuai untuk berkunjung. Elakkan datang terlalu awal ataupun lewat malam kerana tuan rumah mungkin sedang membuat persiapan dan mahu berehat.

Adalah lebih baik jika kita hubungi terlebih dahulu tuan rumah tersebut untuk memaklumkan kedatangan kita supaya mereka turut bersedia menerima kunjungan kita.

Selain itu, memberi salam dan menunggu izin sebelum memasuki rumah orang. Islam mengajar umatnya untuk memberi salam sebelum masuk ke dalam mana-mana tempat sekalipun rumah sendiri.

Sebagai tetamu, kita juga digalakkan bersalam-salam dengan tuan rumah. Walau bagaimanapun, kita sebagai umat Islam perlu menjaga adab dan beringat tentang bersalam-salam dengan yang bukan muhibah khususnya antara



**SENTIASA** menjaga adab ziarah yang ditetapkan dalam Islam iaitu bermula daripada sebelum berziarah, semasa berziarah, selepas berziarah dan perkara-perkara yang perlu dihindarkan ketika berziarah.

lelaki dengan perempuan.

Jangan berlama-lama semasa berada di rumah yang dikunjungi. Sebagai tetamu, kita perlu menghormati privasi tuan rumah dan memberi ruang kepada mereka untuk berehat serta melaksanakan kewajipan seperti menunaikan sembahyang fardu.

Adab lain yang perlu dipelihara ialah untuk menjaga tata tertib dan tingkah laku kita selaku tetamu. Masuk ke rumah orang dengan penuh hormat. Ibu bapa juga perlu menasihatkan anak kecil mereka supaya menjaga kelakuan agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini, dan menimbulkan rasa kurang selesa kepada tuan rumah.

Di samping itu, pentingnya menjaga percakapan dan perbualan

semasa berkunjung. Kita diingatkan agar saling menjaga tutur kata agar tidak menyakiti mana-mana pihak atau bercerita tentang keburukan orang lain. Berbicaralah tentang perkara-perkara yang membawa faedah kepada kita dan orang sekeliling. Hari Raya adalah masa untuk saling beraaf-maafan dan bukannya untuk menambah dosa.

Menjamah makanan yang dihidangkan dengan tertib juga antara adab semasa berziarah. Ambillah makanan sekadar mencukupi untuk diri sendiri dan elakkan membazir. Kita perlu ingat masih ada ramai tetamu yang akan datang untuk menjamu selera.

Selepas makan, pastikan pinggan dikumpulkan dan buang sisa

makanan di tempat yang disediakan. Adab ziarah yang terakhir ialah mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah dan meminta izin apabila hendak beredar serta beraaf-maafan sebelum balik.

Sebagai kesimpulan, ambillah peluang Hari Raya Aidilfitri untuk ziarah-menziarahi sanak saudara untuk mengukuhkan ikatan silaturahim sambil beraaf-maafan. Ziarah di Hari Raya merupakan sunnah yang sangat dianjurkan, namun jangan biarkan kegembiraan merosakkan adab kita sebagai umat Islam.

Marilah sama-sama kita memelihara adab dengan baik agar perayaan ini dapat disambut dengan lebih bermakna dan harmoni.

## Perbezaan suasana Hari Raya dulu, sekarang



AWANG Haji Kudil bin Tahir berasal dari Kampung Negalang Ering (kiri sekali).

**TEMBURONG**, Sabtu, 5 April. - Sambutan Syawal pada suatu ketika dahulu banyak mencipta kenangan manis. Tahun silam berganti tetapi raya tetap sama diraikan. Raya dulu dan sekarang memang jauh berbeza tetapi tujuannya tetap sama iaitu untuk membina silaturahim dan mengukuhkan jalinan kemesraan seisi keluarga, sahabat handai serta jiran tetangga.

Awang Haji Kudil bin Tahir, 73 tahun berasal dari Kampung Negalang Ering, Temburong ketika ditemui menceritakan pengalamannya berhari raya pada zaman dahulu terdapat perbezaan yang amat ketara terutama sekali dari segi ekonomi khususnya di Kampung Batu Apoi, tempat beliau membesar,

menyambut Aidilfitri dalam keadaan ala kadar kerana kebanyakan penduduk di kampung tersebut adalah orang yang kurang berkemampuan.

"Antara juadah raya yang dihidangkan pada zaman tersebut ialah bingka, tapai, cucur-cucuran, minuman manisan dan kopi. Tidak ada istilah Rumah Terbuka pada zaman dahulu tetapi kemeriahinan dan kemesraan tetap dirasakan dengan mengunjungi sanak saudara dan jiran tetangga meskipun dalam serba kekurangan," jelasnya.

"Pada zaman dahulu, kemudahan jalan raya belum semua ada, terpaksa banyak

berjalan kaki dan menggunakan perahu untuk berziarah ke rumah-rumah. Kanak-kanak merupakan insan paling riang kerana dapat bermain mercun di malam raya pada ketika itu. Sementara itu, pada penghujung tahun 60-an barulah bermula tradisi menghantar kad Hari Raya," ujar beliau lagi.

Menyentuh mengenai duit raya pula, kanak-kanak cuma diberikan gula-gula sebagai pengganti duit raya. Peredaran zaman sedikit sebanyak membawa perubahan dalam sambutan raya. Antaranya ialah dari segi pakaian, juadah yang dihidangkan, perhiasan rumah dan lain-lain lagi.

## KUIZ PENERANGAN

### SIRI PERTAMA

1. Semasa penubuhannya pada tahun 1952, Jabatan Penerangan dikenali sebagai  
 A. Perkhidmatan Penerangan dan Penyiaran Brunei  
 B. Perkhidmatan Penerangan Brunei  
 C. Bahagian Penerangan

2. Apakah nama Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan dan bilakah tahun ia dilancarkan?  
 A. InfoBN, tahun dilancarkan 2014  
 B. IndoDept, tahun dilancarkan 2024  
 C. InfoDeptBN, tahun dilancarkan 2016

3. Pada tahun bilakah akbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI mula diterbitkan oleh Jabatan Penerangan?  
 A. 15 Februari 1952  
 B. 15 Februari 1954  
 C. 15 Februari 1956

4. Apakah alamat Laman Sesawang Galeri Foto Jabatan Penerangan?  
 A. www.infografik.gov.bn  
 B. www.infogaleri.gov.bn  
 C. www.infofoto.gov.bn

5. Berikut ialah bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan kecuali :  
 A. Himpunan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
 B. Selera Kampung Kitani  
 C. Laras Bahasa Teks Titah

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

SABTU, 12 APRIL 2025

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI  
 SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN  
 KE-73, TAHUN 2025

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Kuiz dibuka kepada orang ramai berumur 12 tahun dan ke atas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
2. Hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
3. Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: [pr@information.gov.bn](mailto:pr@information.gov.bn)

### KETERANGAN PESERTA

Nama: \_\_\_\_\_  
 No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_  
 Tarikh lahir & Umur: \_\_\_\_\_  
 Nombor Telefon: \_\_\_\_\_

### HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada lima pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa baucer bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

Muat turun aplikasi mudah alih :



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
 Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn infodept.bn



Pelita Brunei



pelitabrunel

7 April 2025 dan 14 April 2025



# Keharmonian, kegembiraan warnai perayaan bersama pemimpin negara

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**2** Mac 2025 - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pemangku Grand Chamberlain mengumumkan bahawa sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah, Istana Nurul Iman akan dibuka selama dua hari iaitu Hari Raya Kedua dan Hari Raya Ketiga.

Sebaik sahaja pengumuman tersebut disiarkan dalam media, keterujaan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini termasuk pengunjung yang datang ke negara ini tidak dapat dinafikan lagi. Buat pertama kali sejak penularan wabak COVID-19 pada 2019, Istana Nurul Iman telah membuka pintunya untuk orang ramai bagi Majlis Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, 2025. Justeru tahun ini sangat istimewa maka tidak hairanlah rakyat berduyun-duyun ke Istana Nurul Iman untuk junjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajah Mohamed Alam dan kerabat diraja yang lain.

Setiap kali menjelang Hari Raya, negara kita akan menjadi tumpuan pengunjung luar kerana pada masa inilah rakyat dan penduduk di negara kita berpeluang untuk menjelaskan kaki ke Istana Nurul Iman untuk menjunjung ziarah Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja yang lain. Tradisi Hari Raya yang unik ini menggambarkan kemesraan antara pemimpin negara dan rakyat sangat erat, berbagi kegembiraan untuk sama-sama meraikan Aidilfitri. Peluang bagi Majlis Junjung Ziarah serta Istana Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri hanya ada setahun sekali ini tidak pernah dilepaskan oleh para pengunjung baik daripada luar dan dalam negeri.

## Keterujaan pengunjung ke Istana Nurul Iman

Peluang keemasan ini juga menarik perhatian bukan sahaja rakyat dan penduduk di negara ini bahkan juga pengunjung luar. Keramahan serta sikap pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia ternyata menarik hati orang luar untuk melihat dan bertemu secara dekat dengan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja yang lain. Kesempatan bersua muka dan menyembahkan ucapan 'Selamat Hari Raya' Kehadapan Majlis baginda berdua serta kerabat diraja pastinya akan menjadi kenangan berhari raya yang akan sentiasa menjadi ristaan lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang dari luar negara.

Sepanjang dua hari Istana Nurul Iman dibuka bagi kunjungan orang ramai setelah ditiadakan selama lima tahun telah mencatatkan kehadiran keseluruhan sejumlah 25,721 orang yang terdiri daripada lapisan rakyat jelata, penduduk dan pelancong asing yang tidak mengira

peringkat usia, bangsa dan agama turut sama-sama mengambil kesempatan untuk bersua muka dengan raja dikasihi dan kerabat diraja yang lain.

Bagi yang pertama kali berkunjung ke Istana Terbuka ini sudah setentunya berasa amat teruja dan gembira apatah lagi sebelum mengadap dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja, pengunjung berkesempatan menjamu selera dengan pelbagai juadah yang telah disediakan dengan penuh selesa dan dalam suasana yang meriah sambil beramah mesra dan berinteraksi bersama para pengunjung lain di pekarangan Istana Nurul Iman.

Suasana seperti ini begitu unik bagi mereka yang membuat pertama kali berkunjung ke Istana Terbuka. Rasa kagum dan gembira mereka khususnya bagi para pekerja asing yang berada di negara ini apabila mereka juga tidak melepaskan peluang untuk gambar kenangan untuk dihantar kepada keluarga di negara mereka. Para pengunjung yang bersemangat tidak hanya dapat melihat hiasan dalam istana yang terkenal dengan keindahannya tetapi juga berkesempatan untuk berfoto di beberapa lokasi ikonik di dalam istana dengan menggunakan telefon bimbit peribadi mereka bagi mengabadikan kenangan yang akan menjadi ristaan.

Keramahan dan keprihatinan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja ketika berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada para pengunjung menimbulkan rasa keterujaan mereka, lebih-lebih lagi bagi mereka yang pertama kali menjelaskan kaki ke Istana Nurul Iman pastinya akan memberikan seribu kenangan buat diri mereka kerana Sambutan Hari Raya

seperti ini tidak mereka rasakan di negara sendiri.

Selepas menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja, para pengunjung bukan saja berasa gembira selepas bertemu dengan raja yang dikasihi, mereka juga diberikan cenderamata kenangan bersama Kad Hari Raya Khas yang turut memaparkan potret Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Sudah pasti cenderamata ini akan disimpan sebagai tanda kenangan kerana berpeluang berkunjung ke Istana Nurul Iman. Bagi para pelancong pula, ini merupakan buah tangan yang amat berharga untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Kehadiran para pelancong ini juga secara tidak langsung dapat menyerlahkan keunikan tradisi Istana Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Negara Brunei Darussalam di mana Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja turut sama meraikan Hari Raya bersama rakyat jelata dan berkongsi kegembiraan berhari raya. Perkara ini secara tidak langsung menonjolkan lagi pertalian keakraban institusi raja dengan rakyat di negara ini.

## Kesimpulan

Sambutan Hari Raya yang mesra dan terbuka di Istana Nurul Iman menciptakan suasana yang lebih dekat antara raja dan rakyat. Kesempatan ini adalah sebuah langkah simbolik untuk merayakan Hari Raya Aidilfitri dalam semangat keharmonian dan saling menghormati. Syawal menciptakan hubungan silaturahim sesama kita, merapatkan hubungan dengan erat sebagai satu nikmat besar yang perlu kita hargai.



# SALAM LEBARAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM



Oleh : Norliah Md. Zain

Daripada Unit Pasaran dan Pengembangan Industri Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

"Semoga keberkatan Syawal dapat menanamkan sifat sabar di hati, menyinari jalan dengan petunjuk, mengukuhkan ikatan dengan keikhlasan. Di hari yang mulia ini, maafkan segala khilaf, semoga ukhuwah kekal abadi".



Daripada Unit Buku Hak Cipta dan Royalti, DBP

"Salam Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi kepada semua warga Perkhidmatan Awam khususnya pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (DBP). Ampun maaf dipinta jika terdapat salah dan silap".



Daripada EIC, Kementerian Pendidikan

"Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pelajar, guru, warga Kementerian Pendidikan serta rakan strategik dan pihak berkepentingan.

"Semoga Aidilfitri ini membawa kebahagiaan, keberkatan dan keharmonian buat kita semua. Mari kita raikan dengan penuh kesyukuran, mengeratkan silaturahim serta meneruskan semangat keusahawanan dan inovasi dalam usaha kita membangun masa depan pelajar-pelajar kitani dengan lebih gemilang.

"Di kesempatan ini, pihak EIC juga ingin memohon maaf atas sebarang kekhilafan dan mendoakan agar kita semua sentiasa diberkati serta diberi kejayaan dalam setiap usaha yang dilakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Ikhlas".



Daripada Juruhebah Radio dari RTB

"Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat serta rahmat-Nya yang telah mengiringi perjalanan kita sepanjang bulan suci Ramadan. Dengan izin-Nya, kita berjaya menuai ibadah puasa dengan penuh kesabaran dan keimanan. Semoga segala amal ibadah kita diterima dan menjadi bekal untuk kehidupan yang lebih diberkati, insyaAllah.

"Kini, tibalah Syawal bulan kemenangan bagi kita umat Islam. Sebagai juruhebah di Radio Televisyen Brunei (RTB), kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh pendengar setia serta keluarga tercinta. Hari yang mulia ini bukan hanya sekadar hari untuk meraikan kegembiraan tetapi juga untuk mempereratkan silaturahim, mengukuhkan nilai kasih sayang dan saling memaafkan.

"Moga Syawal ini membawa kebahagiaan, kedamaian, dan keberkatan yang berpanjangan dalam kehidupan kita. Semoga kita juga dikurniakan kesempatan bertemu dengan Ramadan dan Syawal yang akan datang dengan keimanan dan ketakwaan yang lebih mendalam. Amin Ya Rabbal Alamin".



Daripada Bahagian Dasar dan Antarabangsa di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

"Kami daripada Bahagian Dasar dan Antarabangsa di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025M Maaf Zahir dan Batin"



Daripada Unit Pemetaan Geospatial, Jabatan Ukur

"Aidilfitri bulan kemaafan. Jadikanlah Hari Raya tahun ini sebagai bulan yang penuh makna. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga Perkhidmatan Awam".



## ARAB SAUDI KUTUK SERANGAN UDARA ISRAEL KE ATAS KEMUDAHAN GAZA, GESA PBB BERTINDAK

**ISTANBUL**, 5 April. - Arab Saudi pada Jumaat mengutuk serangan udara Israel ke atas kemudahan yang dikaitkan dengan kerajaan itu di Rafah, selatan Gazadan mengkritik peningkatan operasi ketenteraan Israel yang berterusan di wilayah Palestin yang diduduki, lapor Anadolu Ajansi.

Menurut Kementerian Luar

Arab Saudi : "Pasukan pendudukan Israel menyasarkan dan memusnahkan gudang milik Pusat Kebudayaan dan Warisan Arab Saudi di kawasan Morag Rafah yang menempatkan bekalan perubatan yang bertujuan merawat pesakit dan mereka yang cedera di Gaza."

Kementerian itu turut mengecam peningkatan operasi Israel yang lebih luas, termasuk penyasar berterusan terhadap orang awam dan tempat perlindungan dan pembunuhan

berpuluhan orang di kawasan seperti Sekolah Dar Al-Arqam di timur laut Gaza, yang melindungi orang yang dipindahkan.

Menurut Pertahanan Awam Palestin, pada Khamis, 31 rakyat Palestin, termasuk wanita dan kanak-kanak terbunuh dalam serangan ke atas sekolah itu. Enam lagi masih hilang dan berpuluhan cedera.

Riyadh mengkritik kegagalan masyarakat antarabangsa untuk menghalang keganasan dan kemusnahan dilakukan Israel,

sambil menegaskan bahawa ketiadaan mekanisme akauntabiliti yang kukuh menggalakkan Israel untuk terus melanggar undang-undang antarabangsa dan kemanusiaan.

Arab Saudi menyertai negara anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memikul tanggungjawab mereka dan membantu menamatkan penderitaan rakyat Palestin.

Laporan pada Khamis oleh Biro Pusat Statistik Palestin

menyatakan yang Israel membunuh hampir 17,954 kanak-kanak di Gaza sejak 7 Oktober 2023.

Jumlah itu termasuk 274 bayi baru lahir, 876 bayi di bawah setahun, 17 kanak-kanak yang mati kesejukan di khemah pelarian dan 52 yang mati akibat kelaparan atau kekurangan zat makanan.

Lebih 50,600 rakyat Palestineribunuh sejak Oktober 2023, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak. - ©BERNAMA

## Syarikat pembinaan UK kurangkan lebih ramai pekerja ekoran kebimbangan ekonomi

**LONDON**, 5 April. - Syarikat pembinaan Britain mengurangkan pekerja pada kadar paling cepat dalam tempoh empat tahun pada bulan lepas apabila kemerosotan aktiviti sektor itu berterusan, menurut angka baharu, lapor PA Media/dpa.

Ia berlaku ketika sektor pembinaan komersial merosot pada kadar paling serius sejak awal 2021, di tengah-tengah kebimbangan mengenai ekonomi United Kingdom dan ketidaktentuan global.

Indeks pengurus pembelian pembinaan (PMI) Global S&P terkini menunjukkan bacaan 46.4 pada Mac, meningkat daripada parpas rendah 57 bulan iaitu 44.6 yang dicatatkan pada Februari.

Ia berada di bawah sedikit daripada bacaan 46.6 yang diramalkan oleh ahli ekonomi.

Sebarang bacaan melebihi ambang 50 menunjukkan yang aktiviti dalam industri meningkat manakala sebarang bacaan di bawah daripada angka itu, bermakna ia menyusut.

Ini bermakna sektor pembinaan UK menyusut pada Mac, bagi bulan ketiga berturut-turut - tetapi pada kadar yang lebih perlahan berbanding Februari.

Namun, data baharu masih menunjukkan prospek yang lemah untuk industri berkenaan.

Syarikat yang ditinjau paling pesimis tentang prospek perniagaan mereka selama 18 bulan di belakang kadar faedah yang tinggi dan kebimbangan tentang prospek ekonomi yang lebih luas.

Data menunjukkan yang pembinaan komersial kekal sebagai bahagian yang lebih kukuh dalam sektor itu tetapi masih menguncup dengan penurunan terbaharunya menandakan bacaan bulanan paling lemah selama lebih empat tahun.

"Aktiviti perniagaan yang lebih rendah dikaitkan dengan prospek ekonomi UK yang lemah dan kesan peningkatan ketidaktentuan geopolitik terhadap perbelanjaan pelaburan pelanggan," menurut dataran tinjauan itu.

Sementara itu, pesanan pembinaan berkurangan sekali lagi di belakang permintaan yang lembap di seluruh pasaran.

Tinjauan itu juga melaporkan pengurangan jumlah kakitangan untuk bulan ketiga berturut-turut, apabila kadar pengurangan pekerjaan meningkat kepada yang terpanas sejak Oktober 2020.

Tim Moore, Pengarah Ekonomi di S&P Global Market Intelligence berkata : "Data Mac menyerlahkan bulan yang mencabar untuk syarikat pembinaan UK apabila jumlah pesanan yang berkurangan dengan ketara terus membebankan beban kerja keseluruhan.

Kejuruteraan awam mengalami penguncutan serius apabila aktiviti menurun pada tahap terbesar sejak Oktober 2020.

Responden tinjauan mengulas mengenai saluran jualan yang lemah dan kekurangan kerja infrastruktur seterusnya untuk mengantikan projek yang siap." - ©BERNAMA

## Pusat Logistik dan Latihan Bersama China-Kemboja, dilancarkan secara rasmi

**BEIJING**, 5 April. - Pusat Logistik dan Latihan Bersama yang ditubuhkan oleh angkatan tentera China dan Kemboja secara rasmi dirasmikan dan mula beroperasi pada Sabtu di Pangkalan Tentera Laut Ream di Kemboja.

Pusat itu direka bentuk untuk menyokong kedua-dua tentera dalam melaksanakan operasi anti-keganasan serantau, pencegahan dan pengurangan bencana, bantuan kemanusiaan, latihan bersama dan operasi lain, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan Negara China.

Kedua-dua pihak akan menghantar kakitangan untuk bersama-sama menyelenggara operasi tetap pusat itu, kata kenyataan itu.

Pembinaan dan operasi pusat itu mencerminkan sikap saling menghormati dan perundingan yang sama antara China dan Kemboja. Inisiatif itu mematuhi sepenuhnya undang-undang domestik kedua-dua negara, undang-undang antarabangsa yang berkaitan dan amalan antarabangsa, yang tidak ditujukan kepada mana-mana pihak ketiga, menurut kenyataan itu.

Penubuhan pusat itu adalah kondusif untuk mengukuhkan lagi kerjasama praktikal antara kedua-dua tentera dan membantu mereka untuk memenuhi kewajipan antarabangsa dengan lebih baik dan menyediakan produk keselamatan awam antarabangsa. - ©XINHUA

## Mexico umum pelan US\$4 bilion tingkatkan keterjaminan makanan susulan tarif AS

**MEXICO CITY**, 5 April. - Mexico akan melabur lebih US\$4 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memperkuuh keterjaminan makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import susulan langkah tarif baru yang dikenakan Amerika Syarikat (AS), umum Kerajaan Mexico pada Jumaat, lapor Xinhua.

Pelan itu, yang dibentangkan oleh Setiausaha Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Mexico, Julio Berdegue, akan memperuntukkan sebanyak 83.76 bilion peso Mexico (US\$4.1 bilion) dari 2025 hingga 2030 untuk meningkatkan pengeluaran domestik bagi tanaman dan produk asas seperti jagung, kekacang, beras, koko, susu dan madu.

Pelan berkenaan turut merangkumi bantuan kepada 750,000 pengeluar kecil dan sederhana, serta pengembangan program-program kerajaan berkaitan tuaian, bekalan makanan, baja dan pemprosesan.

Ia juga melibatkan inisiatif seperti transformasi syarikat Liconsa bagi meningkatkan pengeluaran susu, penetapan harga minimum dan insurans tanaman, penyediaan pinjaman berkadar faedah rendah bagi risiko iklim dan perosak, serta bantuan teknikal dan ekologi melalui agensi nasional.

Kerajaan menyasarkan peningkatan pengeluaran jagung daripada 21.3 juta tan kepada 25 juta tan, kekacang daripada 730,000 tan kepada 1.2 juta tan, beras daripada 221,500 tan kepada 450,000 tan, dan susu daripada 687 juta liter kepada 1.3 bilion liter setahun menjelang 2030.

Semua barang yang dihasilkan di bawah pelan ini akan dilabelkan dengan tanda 'Hecho en Mexico' (Dibuat di Mexico) sebagai sebahagian daripada strategi keterjaminan makanan negara, salah satu daripada 18 keutamaan nasional Presiden Claudia Sheinbaum. - ©BERNAMA

## Warga Belanda maut ketika meneroka Gua Kepayang

**KUANTAN**, 5 April. - Seorang wanita warga Belanda maut ketika menyertai aktiviti meneroka secara berkumpulan di Gua Kepayang, Trail Keniam-Terengganu, Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Mohd. Razam Taja Rahim berkata mangsa, Pommelien Catharina Maria Meijs, 33, dilaporkan tidak sedarkan diri selepas enam jam memulakan aktiviti tersebut bersama 16 individu lain dari pelbagai negara termasuk

pemandu pelancong.

Beliau berkata pasukan operasi mencari dan menyelamat (SAR) melibatkan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Tahan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kuala Tahan dan polis bergegas ke lokasi kejadian sebaik mendapat panggilan kecemasan kira-kira 7 malam.

"Pasukan SAR mengambil masa tiga hingga ke empat jam untuk sampai ke lokasi. Bagaimanapun, operasi membawa mangsa keluar tidak dapat diteruskan kerana trek berlumpur, licin dan cuaca tidak mengizinkan selain bentuk muka bumi yang

berbukit-bukau.

"Operasi SAR terpaksa dihentikan sekitar 6 petang dan disambung hari ini menggunakan helikopter," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pasukan SAR membuat pembersihan kawasan seluas 9.1 meter x 9.1 meter persegi untuk persediaan mengangkat mangsa di lokasi tersebut bagi dibawa ke Padang FA Jerantut.

"Mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis Jerantut pada 11.26 pagi dan dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan (HTAA) untuk proses bedah siasat," katanya. - ©BERNAMA

## THAILAND ADAKAN RUNDINGAN PERDAGANGAN DENGAN AS SELEPAS KENAIKAN TARIF

**BANGKOK**, 6 April. - Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Thailand, Pichai Chunhavajira dijadual mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat (AS) minggu depan bagi mengadakan perbincangan dengan wakil sektor awam dan swasta, serta pihak berkepentingan lain susulan pelaksanaan tarif sebanyak 36 peratus ke atas eksport Thailand ke AS.

Perdana Menteri, Paetongtarn Shinawatra berkata lawatan itu bertujuan melibatkan semua pihak yang terkesan dengan keputusan tarif timbal balik pentadbiran Presiden Donald Trump, yang mengenakan minimum 10 peratus

tarif ke atas import dari semua negara.

"Apa yang ingin kami sampaikan kepada Kerajaan AS ialah Thailand bukan sekadar pengekspor - kami adalah rakan ekonomi yang dipercayai serta sekutu jangka panjang," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Paetongtarn berkata bahawa Thailand turut merancang untuk mengadakan rundingan bagi menggalakkan pelaburan Thailand di AS, selain berusaha mengurangkan halangan import.

Kami juga akan menangani isu penyalahgunaan Thailand sebagai negara transit untuk barang yang didakwa berasal dari Thailand bagi tujuan eksport ke AS.

"Saya yakin cadangan-cadangan ini akan membawa kepada rundingan yang berjaya, sekali gus memastikan Thailand dan AS kekal sebagai sekutu dan rakan perdagangan yang mesra."

"Kerajaan juga bersedia untuk terus mendengar dan mengadakan dialog bersama AS."

"Kami ingin memberi jaminan kepada rakyat Thailand bahawa setiap cadangan disediakan dengan teliti, berpaksikan kepentingan rakyat serta kepentingan negara - demi menyokong komuniti perniagaan dan seluruh sektor ekonomi," katanya.

Pada Khamis lalu, pentadbiran

Trump mengumumkan pelaksanaan tarif minimum 10 peratus ke atas semua import sebagai sebahagian daripada dasar Dasar Perdagangan Timbal Balik dan Tarif.

Bagi Thailand, kadar tarif timbal balik ditetapkan pada 36 peratus dan akan berkuat kuasa mulai 9 April.

Bagaimanapun, Paetongtarn menegaskan bahawa kerajaan akan mempercepat usaha untuk meneroka pasaran eksport baharu bagi mempelbagaikan risiko dalam sektor perniagaan Thailand.

"Rundingan perdagangan akan menumpukan kepada pembukaan pasaran baharu di Timur Tengah, Eropah dan India.

"Kami juga akan mempercepat rundingan Perjanjian Perdagangan



Bebas (FTA)," katanya lagi.

Satu mesyuarat dijadual berlangsung Selasa depan bersama jawatankuasa dan semua agensi berkaitan bagi menangani isu berkenaan serta memuktamadkan hala tuju strategik yang mengutamakan kepentingan negara.

"Saya ingin tegaskan bahawa kerajaan akan melakukan segala yang mungkin untuk melindungi kepentingan negara, membina ekonomi Thailand yang berdaya tahan dan berdaya saing, serta memastikan Thailand terus maju ke hadapan dengan bermaruah - demi tanah air yang kita cintai," katanya. - ©BERNAMA

## Kebakaran hutan : Korea Selatan beri status pemastautin kepada 3 warga Indonesia

**SEOUL**, 6 April. - Kerajaan Korea Selatan pada Ahad memutuskan untuk memberikan status pemastautin jangka panjang kepada tiga warga Indonesia yang membantu memindahkan warga emas semasa kebakaran hutan baru-baru ini di wilayah tenggara negara itu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kementerian Kehakiman sebelum ini memaklumkan pihaknya sedang mempertimbangkan untuk mengeluarkan visa F-2 kepada

seorang kelasi Indonesia yang dikenali sebagai Sugianto kerana membantu menyelamatkan kira-kira 60 warga emas daripada kebakaran hutan di Daerah Uiseong, Wilayah Gyeongsang Utara.

Visa F-2 yang menjamin status pemastautin jangka panjang kepada pemegangnya boleh diberikan oleh menteri kehakiman kepada warga asing yang telah membuat 'sumbangan khas' kepada Korea Selatan atau diiktiraf atas peranannya dalam

mempromosikan kepentingan awam.

"(Kerajaan) telah memutuskan untuk memberikan status pemastautin untuk sumbangan khas kepada tiga warga Indonesia yang membantu memindahkan warga emas daripada kawasan kebakaran hutan," kata Timbalan Ketua Pusat Kawalan Bencana, Lee Han-kyung.

Selain Sugianto, maklumat mengenai dua lagi warga Indonesia berkenaan tidak didedahkan. - ©BERNAMA

## Tarif AS boleh jejaskan 0.5 peratus KDNK Perancis

**PARIS**, 6 April. - Pengenalan duti oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump dijangka akan menjajaskan ekonomi Perancis lebih 0.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), lapor Agensi Berita Rusia (TASS) memetik kenyataan Perdana Menteri Perancis,

Francois Bayrou dalam satu wawancara dengan media tempatan.

"Dasar Presiden Donald Trump akan menelan kos lebih 0.5 peratus daripada KDNK Perancis," kata Bayrou dalam wawancaranya dengan akbar Le Parisien.

Kenaikan tarif oleh Presiden AS

itu mengancam menyebabkan pengurangan pekerjaan, "kemelesetan ekonomi dan pengakhiran pelaburan," kata perdana menteri itu.

"Tindakan tidak stabil oleh AS akan melemahkan ekonomi global bagi tempoh yang panjang," tegasnya. - ©BERNAMA

## Mesir tolak pengusiran rakyat Palestin, beri amaran terhadap kebisuan dunia

**KAHERAH**, 6 April. - Mesir pada Sabtu sekali lagi menegaskan pendiriannya menolak sebarang cubaan mengusir rakyat Palestin dari tanah air mereka, sambil memberi amaran terhadap akibat perbuatan masyarakat antarabangsa yang membisu dengan perkembangan yang sedang berlaku di wilayah Palestin yang diduduki, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Perkara itu disuarakan dalam pertemuan Menteri Luar Mesir, Badr Abdelatty bersama delegasi daripada Pergerakan Fatah Palestin, ketika mereka membincangkan situasi semasa di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat susulan peningkatan ketara tindakan ketenteraan oleh Israel.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar Mesir menegaskan bahawa Abdelatty sekali lagi menyatakan penolakan Mesir terhadap usaha Israel untuk

melemahkan perpaduan wilayah Palestin dan memisahkan Semenanjung Gaza daripada Tebing Barat.

Mesir turut mengecam pencerobohan berterusan Israel terhadap Gaza dan Tebing Barat, dasar agresif yang diamalkan di rantau itu serta penggunaan kekuatan ketenteraan secara tidak seimbang yang jelas bercanggah dengan prinsip asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Abdelatty turut menegaskan penolakan Mesir terhadap tindakan keterlaluan yang berterusan oleh pihak penjajah Israel terhadap orang awam serta sikapnya yang bertindak seolah-olah berada di atas undang-undang.

Jika Israel terus mengamalkan pendekatan sedemikian, ia akan meletakkan lebih banyak halangan terhadap usaha kewujudan

bersama secara aman dalam kalangan rakyat di rantau ini, sekali gus memberi kesan buruk terhadap keselamatan, kestabilan dan peluang untuk mencapai keamanan yang berkekalan.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa Abdelatty membincangkan pelan pembinaan semula Semenanjung Gaza oleh negara-negara Arab dan Islam, serta menekankan keperluan mendesak untuk memperkuuh perpaduan Palestin dan peranan penting pihak berkuasa nasional Palestin dalam merealisasikan aspirasi rakyat Palestin.

Ini termasuk usaha mencapai penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap isu Palestin menerusi penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka berdasarkan sempadan 4 Jun 1967, dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya. - ©BERNAMA

**KYIV**, 6 April. - Beberapa siri letupan kedengaran pada pagi Ahad di Kyiv apabila Rusia didakwa melancarkan serangan udara baharu ke atas bandar itu, lapor Xinhua memetik pentadbiran tentera Ukraine.

Serangan udara itu menyebabkan kebakaran di kawasan bandar Darnitskyi dan Obolon, dan pasukan penyelamat sedang menuju ke lokasi kejadian, menurut pentadbiran tentera Kyiv dalam satu hantaran di platform media sosial Telegram.

"Letupan di ibu negara. Pertahanan udara sedang beroperasi. Sila berada di tempat perlindungan."

"Serangan peluru berpandu ke atas Kyiv masih berterusan," kata Datuk Bandar Vitali Klitschko yang dipetik dalam laporan media di Telegram. - ©BERNAMA

## Angka kematian akibat gempa bumi Myanmar meningkat kepada 3,471

**YANGON**, 6 April. - Angka kematian akibat gempa bumi berukuran 7.9 pada skala Richter yang melanda Myanmar meningkat kepada 3,471 setakat Sabtu, lapor akhbar harian yang dikendalikan kerajaan, The Mirror pada Ahad, menurut Xinhua.

Gempa bumi itu juga mengakibatkan 4,671 orang cedera dan 214 lagi masih hilang setakat Sabtu.

Laporan itu turut mendedahkan bahawa organisasi penyelamat tempatan dan antarabangsa berjaya menyelamatkan 653 orang yang terperangkap di dalam bangunan selepas gempa, dan 682 mayat dikeluarkan dari runtuhannya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## NBD ANJUR FUN RUN BAGI SUKAN ASIA AICHI-NAGOYA



LALUAN bagi acara Fun Run berkenaan.

**Siaran Akbar dan Infografik : Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 April. - Majlis Olimpik Asia (OCA) dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) akan menganjurkan Fun Run bagi Sukan Asia Aichi-Nagoya Ke-20, Tahun 2026.

Fun Run tersebut bertujuan untuk mempromosikan bukan sahaja negara tuan rumah tetapi juga memupuk semangat kemasyarakatan dan

menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta.

Acara ini akan bermula pada Selasa, 15 April 2025 di The Empire Brunei selepas acara The 2nd OCA Gender Equity Seminar yang diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku hos. Fun Run tersebut akan dimulakan dengan sesi pemanasan badan sebelum mulakan larian.

Kira-kira 500 peserta dijemput untuk menyertai larian tersebut, termasuk pelajar sekolah, persatuan sukan negara, majlis sukan dan delegasi antarabangsa yang menghadiri seminar berkenaan.

Antara kategori bagi acara Fun Run tersebut ialah Kategori 2.8 kilometer (km) Lelaki Terbuka, Kategori 2.8km Wanita Terbuka, Kategori Fun Run bagi Lelaki U12 1.4km, Kategori Fun Run bagi Perempuan U12 1.4km, Kategori Fun Run bagi Orang Kurang Upaya 1.4km, Kategori Fun Run bagi Lelaki Veteran 1.4km, Kategori Fun

Run bagi Wanita Veteran 1.4km dan Kategori Larian Delegasi Seminar 1.4km.

Se semua peserta akan menerima sijil penyertaan. Sementara pingat akan diberikan kepada 10 penamat terbaik dalam setiap kategori. Penyampaian pingat akan dikendalikan oleh Ahli Eksekutif OCA.

Fun Run berfungsi sebagai pendahulu penting kepada Sukan Asia dan menonjolkan komitmen NBD untuk mempromosikan sukan dan keterangkuman dalam komunitinya.

## Seminar kongsi pelbagai perspektif, pengalaman

**Siaran Akbar : Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 April. - The Olympic Council of Asia (OCA) akan menganjurkan 2nd OCA Gender Equity Seminar di Negara Brunei Darussalam sebagai negara tuan rumah dari 14 hingga 15 April 2025.

Acara penting tersebut dianjurkan dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council-BDNOC), dengan sokongan logistik yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Acara berkenaan akan berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei. Tema seminar tahun ini, iaitu 'Watch Her Shine', bertujuan untuk memperkasa dan mempromosi gender equity dalam

sukan di seluruh Asia.

Seminar tersebut terbuka kepada 45 Asian National Olympic Councils (NOCs), khususnya menyasarkan kepada Setiausaha Agung dan ahli wanita dalam sukan daripada setiap National Olympic Council (NOC).

Pada masa ini, kami berbesar hati untuk mengumumkan bahawa terdapat 88 peserta daripada 43 NOC disahkan menghadiri perhimpunan penting ini.

Seminar tersebut akan menampilkan barisan hebat 19 penceramah daripada pelbagai organisasi ternama, termasuk International Olympic Committee (IOC), UN Women, Oceania IOC, dan International Working Group (IWG).

Tokoh-tokoh terkemuka tersebut akan

berkongsi pandangan dan pengalaman mereka tentang memajukan gender equity dalam sukan. Selain itu, kami berbesar hati untuk mengalu-alukan 10 tetamu daripada Olympic Council of Asia, termasuk OCA Honorary Executive Board Members dan Ahli-ahli OCA Gender Equity Committee.

Penyertaan mereka menggariskan komitmen OCA ke arah memupuk persekitaran sukan yang lebih inklusif untuk wanita.

Bengkel tersebut akan dijalankan melalui metodologi komprehensif yang direka untuk memaksimumkan pembelajaran, penglibatan, dan hasil praktikal. Selain itu, ia akan merangkumi satu siri pembentangan yang diketuai oleh pakar-pakar yang memberikan pengetahuan asas dan pandangan strategik tentang isu-isu keadilan jantina

dalam sukan.

Selepas pembentangan tersebut, perbincangan panel yang dinamik dengan menampilkan pemimpin dan pihak berkepentingan yang terkenal dalam gender equity akan membolehkan para peserta berkongsi pelbagai perspektif dan pengalaman.

Seminar OCA Gender Equity yang julung kali diadakan di Manama, Bahrain, pada 2022 meletakkan satu asas untuk perbincangan masa depan tentang gender equity dalam sukan.

Berdasarkan asas ini, seminar yang akan datang menjadikan pengalaman yang memperkayakan semua peserta kerana mereka akan melibatkan diri dalam dialog bermakna dan usaha kolaboratif yang bertujuan untuk meningkatkan peluang untuk wanita dalam sukan di seluruh Asia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSAMA LINDUNGI KESIHATAN ISTERI, ANAK DAMIT AWDA